

GAYA BAHASA PANTUN DALAM HIKAYAT ISMA YATIM

Ayu Nor Azilah binti Mohamad¹
Mohamed Ali bin Haniffa²
Wayu Nor Asikin binti Mohamad³

¹ Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan (PhD). Jabatan Tamadun dan Falsafah. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Universiti Utara Malaysia. Sintok. Kedah. m.ali@uum.edu.my

³ Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Setiu. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 11 April 2018

To cite this document:

Mohamad, A. N. A. b., Haniffa, M. A. b., & Mohamad, W. N. A. b. (2018). Gaya Bahasa Pantun Dalam Hikayat Isma Yatim. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(7), 80 - 93.

Abstrak: Hikayat Isma Yatim ialah sebuah manuskrip Melayu klasik. Karya ini telah diterbitkan oleh P.P. Roorda van Eysinga di Jakarta pada tahun 1825. Naskhah tertua karya ini adalah yang tersimpan di John Rylands University Library dengan panggilan Malay 3. Hasil kajian dengan menggunakan kaedah filologi konvensional, didapati bahawa Hikayat Isma Yatim ini menggunakan pelbagai bentuk gaya bahasa untuk menggerakkan plot cerita. Antaranya ialah berbentuk gurindam, pantun, syair, seloka dan sebagainya. Fokus perbincangan artikel ini tertumpu kepada gaya bahasa berbentuk pantun. Hal ini kerana penggunaan pantun adalah yang paling banyak. Pantun ini diucap mengikut kesesuaian keadaan oleh watak-watak yang terlibat. Cara penyampaiannya tidak khusus kepada watak utama Isma Yatim sahaja tetapi diucapkan juga oleh merak jantan, merak betina, kandil dan Dang Saji. Peranan pantun dalam menggerakkan plot peristiwa akan dikupas dengan lebih lanjut dalam artikel ini. Pemilihan gaya bahasa pantun ini bertepatan dengan tradisi masyarakat Melayu agar pantun tidak tenggelam dalam arus pemodenan.

Kata kunci: Hikayat, Isma Yatim, gaya bahasa, pantun.

¹ Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan. Jabatan Tamadun dan Falsafah. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Universiti Utara Malaysia. Sintok. Kedah. m.ali@uum.edu.my

³ Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Setiu. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

THE LANGUAGE STYLE OF PANTUN IN HIKAYAT ISMA YATIM

Ayu Nor Azilah binti Mohamad⁴
Mohamed Ali bin Haniffa⁵
Wayu Nor Asikin binti Mohamad⁶

¹ Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.e.my

² Pensyarah Kanan (PhD). Jabatan Tamadun dan Falsafah. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Universiti Utara Malaysia. Sintok. Kedah. m.ali@uum.edu.my

³ Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Setiu. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

Abstract: *Hikayat Isma Yatim is a classic Malay manuscript. This work has been published by P.P. Roorda van Eysinga in Jakarta in 1825. The oldest copy of this work known as Malay 3 is stored at John Rylands University Library. By using conventional phonological methodology, the results found that Hikayat Isma Yatim uses various forms of language style to move the story plot. Among them are 'gurindam', 'pantun', 'syair', 'seloka' and so forth. The main focus of this article is the style of 'pantun' language due to its major usage in Hikayat Isma Yatim. This is because the use of pantun is the most. This 'pantun' is said to suit the circumstances of the characters involved. The 'pantun' delivery is not specifically only focused to the main character, Isma Yatim, but also by its fictional character like peacocks, candlesticks and Dang Saji. The role of 'pantun' the poet in moving the plot of the event will be further examined in this article. The selection of 'pantun' language style coincides with Malay traditions so that it is not immersed in today's modern world.*

Keywords: *Hikayat, Isma Yatim, language style, pantun.*

Pendahuluan

“Pantunlah yang jelas sekali memperlihatkan kebijaksanaan (genius) dan kesempurnaan seni sastra bangsa Melayu. Pantun mengandungi jiwa, seni, kebijaksanaan, dan budi bahasa Melayu.” (Muhammad Haji Salleh, 1986:3)

Kesusasteraan sebagai suatu fenomena sosial mencerminkan perhubungan yang erat antara masyarakat dengan kesusasteraan yang dilahirkan. Sebagai salah satu cabang kesusasteraan Melayu yang tertua, pantun telah lama berkembang dan tersebar dalam kalangan rakyat secara lisan, sesuai dengan masyarakat Melayu zaman lampau yang belum mengenal huruf. Sejak

⁴ Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan. Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my

⁵ Pensyarah Kanan. Jabatan Tamadun dan Falsafah. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Universiti Utara Malaysia. Sintok. Kedah. m.ali@uum.edu.my

⁶Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Setiu. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

zaman-berzaman, puisi rakyat ini dianggap menjadi milik bersama, menjadi mainan bibir dan dikenali oleh semua peringkat. Pembahagian yang dilakukan terhadap sastera rakyat itu sendiri menjelaskan bahawa terdapat dua bentuk sastera iaitu sastera yang berbentuk cerita (naratif) dan sastera berbentuk cerita terbahagi kepada tiga: Cerita mitos, cerita legenda dan cerita rakyat; manakala sastera berbentuk bukan cerita termasuklah pantun, gurindam, seloka, peribahasa, teka-teki, perbilangan dan sebagainya (Kurik Kundi Merah Saga, 2005:xxxix)

Sastera berbentuk bukan cerita ini turut terdapat dalam Hikayat Isma Yatim. Kepelbagaian bentuk gaya bahasa yang digunakan dalam Hikayat Isma Yatim dapat mengembangkan plot cerita. Malah kepenggunaan gurindam, pantun, seloka dan sebagainya dapat menentukan kategori zaman hikayat berdasarkan kepada pengaruh isi hikayat. R.O. Winstedt telah membahagikan 'Kesusasteraan Hikayat' ke dalam beberapa pembahagian tertentu mengikut isi masing-masing iaitu;

- i- Sastera Hikayat Zaman Hindu,
- ii- Sastera Hikayat Zaman Peralihan,
- iii- Sasera Hikayat Zaman Islam, dan
- iv- Hikayat-hikayat Panji.

(Winstedt. R.O. 1969;70)

Objektif Kajian

Artikel ini membincangkan tentang peranan gaya bahasa pantun dalam Hikayat Isma Yatim. Ungkapan pantun yang paling banyak diucapkan oleh watak-watak di dalam hikayat ini. Pantun ini digunakan untuk mengembangkan plot cerita ini lebih menjurus kepada menyampaikan hasrat hati, meluahkan perasaan kepada seseorang yang dibicarakan secara tidak langsung, mengungkap bicara secara kiasan dan menyatakan kasih sayang. Ini akan dihuraikan bersandarkan kepada episod cerita dalam Hikayat Isma Yatim. Skop kajian perbincangan artikel hanya mengenai pantun sahaja.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan kepenggunaan gaya bahasa pantun yang digunakan, terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab secara kajian mendalam. Antaranya ialah kenapakah gaya bahasa pantun yang dipilih oleh watak-watak dalam Hikayat Islam Yatim? Adakah ungkapan pantun yang dinyatakan itu mengikut jeda atau aturan serangkap pantun? Persoalan juga timbul apabila melihat watak dan perwatakan Merak yang sering berpantun untuk memberi hiburan kepada raja dan permaisuri. Persoalan ini boleh dijawab dengan berdasarkan kepenggunaan pantun yang banyak dalam Hikayat Isma Yatim dan situasi pantun itu diucapkan oleh watak-watak yang menggerakkan plot hikayat.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai tujuan penulisan artikel, manuskrip Hikayat Isma Yatim perlu melalui proses pembacaan dan kemudiannya membuat analisis. Memandangkan Hikayat Isma Yatim yang diperoleh, satu pembacaan yang teliti harus dilakukan. Selepas kaedah pembacaan, penelitian terhadap kegunaan pantun dikupas dengan mengemukakan kewajaran untuk menjawab objektif dan persoalan artikel. Ini menggunakan kaedah filologi konvensional mengikut kesesuaian versi Hikayat Isma Yatim.

Sorotan Kajian

Teks Hikayat Isma Yatim telah dikaji dalam bentuk Latihan Ilmiah oleh Hashim bin Jasa dan Mohd Rashid bin Md. Noor dari Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 1966 dan 1967. Akan tetapi rujukan terhadap Latihan Ilmiah itu tidak dapat ditemui kerana tidak terdapat di dalam simpanan pihak Perpustakaan Za'ba, Universiti Malaya. Menurut Siti Hawa Haji Salleh, kedua-dua kajian tersebut menggunakan dua mikrofilem yang asalnya daripada koleksi di London. Didapati ceritanya tidak selesai. Malah kajiannya tidak menghurai atau mengupas isi hikayat ini. (Siti Hawa Haji Salleh, 1987:289)

Terdapat satu makalah yang ditulis oleh Jelani Harun bertajuk “Manuskrip ‘Panthong’ dari Sri Lanka.” Isi perbincangan artikel ini tentang pantun Melayu yang tersebar di Sri Lanka secara tulisan, iaitu melalui khazanah manuskrip. Antara manuskrip Melayu yang disebut ialah Hikayat Isma Yatim yang disalin oleh Muhammad Yusuf Jailani Jurangppati pada 1881 di Kandi dan sebuah lagi disalin oleh Kapitan Salimuddin pada 1871 di Kampung Kertel, Kolombo. Dinyatakan bahawa hikayat ini mempunyai berpuluh pantun Melayu. Sebilangan kecil daripada salinan manuskrip Melayu yang berasal dari Sri Lanka telah berjaya dikumpul dan disimpan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Akan tetapi kupasan dan contoh pantun yang dikemukakan di dalam artikel ini diambil dari hikayat lain dan tidak diambil dari Hikayat Isma Yatim. Sekadar diberikan contoh manuskrip yang mempunyai pantun yang banyak (Jelani Harun. <http://pantun.usm.my>)

Pantun dalam Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu memang terkenal dan kaya dengan pelbagai jenis hasil kesusasteraan berbentuk puisi seperti syair, gurindam, seloka, nazam, dan sajak. Semua hasil kesusasteraan ini adalah berasal dari negara luar seperti negara Parsi, Arab, India, dan Barat. Hal ini berbeza dengan pantun yang merupakan satu-satunya hasil kesusasteraan rakyat yang benar-benar tulen dicipta oleh orang Melayu. Malahan, pantun telah diiktiraf oleh para sarjana Barat sebagai milik masyarakat Melayu di Nusantara ini. Pendeta Zainal Abidin Ahmad mengakui bahawa pantun merupakan rangkap yang tertua dan memang asalnya kepunyaan Melayu. Malahan keaslian hak cipta orang Melayu tidak pernah diragui dan kita tidak dapat menafikan pantun ialah warisan tradisi lisan bangsa Melayu yang tidak disandar daripada mana-mana bangsa (Harun Mat Piah, 1989:122).

Orang Melayu mewarisi penciptaan pantun sejak turun-temurun dan antara keistimewaan pantun ialah untuk menyerlahkan daya kreativiti masyarakat. Hal ini demikian kerana pantun dipenuhi dengan seni, nilai rasa, pemikiran, dan penglihatan orang Melayu. Pantun merupakan puisi lama untuk melahirkan fikiran, mengungkap rasa hati dan untuk berkomunikasi. Pantun dianggap mempunyai keunikan tersendiri kerana masyarakat Melayu dahulu dapat mencipta pantun secara spontan dan mempunyai nilai-nilai keindahan serta ciri-ciri keistimewaan tersendiri. Pantun juga dituturkan dengan nada yang lembut, beralun, harmoni dan sedap didengar.

Pantun menggariskan pengungkapan dan pengucapan secara meluas dan murni. Pantun tidak terlibat dengan apa juga halangan dan batasan, kelas dan hierarki sosial. Oleh itu, pantun dapat memainkan peranannya sebagai penghubung yang intim antara golongan yang memerintah dengan golongan rakyat jelata. Pantun juga mampu berkomunikasi secara langsung dalam

kalangan masyarakat Melayu itu sendiri. Sejak zaman-berzaman, pantun memainkan peranannya sebagai suatu bentuk hiburan, di samping berperanan dalam upacara adat istiadat seperti merisik, meminang, dan istiadat nikah kahwin. Malahan, pantun juga memainkan peranan untuk memulakan satu-satu pertarungan dan perlawanan antara panglima dengan pahlawan dahulu kala. Pantun memberikan suatu ruang dan bidang pengucapan yang cukup luas untuk difahami dan pada keseluruhannya merupakan suatu bentuk pengucapan dengan fungsi sosial dan unsur psikologi yang cukup berkesan (Kurik Kundi Merah Saga, 2005:xii).

Pantun yang kita kenal hari ini terdiri daripada pelbagai bentuk dan jenis, namun kesemuanya berkongsi ciri yang sama. Pantun dianggap unik kerana terbahagi kepada dua bahagian iaitu pembayang atau disebut sebagai sampiran dan maksud Pembayang lazimnya merupakan ilham yang tercetus daripada alam sekeliling masyarakat yang menciptanya dan maksudnya pula ialah mesej yang ingin disampaikan oleh mereka. Setiap perkataan dalam pantun kebiasaannya mempunyai hubungan yang akrab dengan kehidupan orang Melayu malah jika pantun itu mengandungi perlambangan dengan maksudnya tersirat di sebalik kiasan, maka perlambangan itu adalah dalam konteks yang difahami dan digunakan oleh masyarakat Melayu (Mohd Rashid Md Idris, 2011:78 & 81).

Pantun sebagai satu bentuk puisi Melayu tradisional terbentuk dalam rangkap-rangkap. Rangkap pantun tidak begitu terbatas kepada hanya empat baris serangkap seperti syair walaupun itulah bentuk yang terbanyak. Ini bermakna pantun juga terbentuk daripada jumlah baris yang selain daripada empat baris serangkap. Rangkap-rangkap pantun mesti terbentuk secara berpasangan dalam jumlah baris yang genap. Bermula dari pantun dua baris serangkap sampailah kepada pantun 16 baris serangkap. Ini jelas menunjukkan bahawa pantun mempunyai aturan pembentukan baris berbanding dengan mantera, gurindam dan perbilangan adat yang tidak mementingkan jumlah baris serta tidak juga mempunyai aturan rima dalam rangkap-rangkapnya (Zainal Abidin Bakar, 1991:13).

Dalam sejarah perkembangan pantun Melayu, banyak pantun termuat dalam cerita-cerita Melayu lama. Ini dapat dilihat misalnya dalam *Hikayat Pelandok*, *Hikayat Awang Sulong Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Raja Muda* dan *Hikayat Anggun Che Tunggal*. Kemunculan pantun dalam bentuk tulisan telah dapat dikesan di sekitar abad kelima belas iaitu dalam *Sejarah Melayu* ada tercerna dengan jelas peristiwa sejarah dan gambaran yang melampaui garis-garis yang membayangi masalah sosiobudaya, etika serta adat istiadat masyarakat Melayu. Contohnya penggunaan pantun seperti berikut;

“Pada suatu riwayat, daripada deras lompat todak itu, datang ke atas gajah, kena Paduka Seri Maharaja, carik lengannya, maka dibuatkan nyanyi:

Carik baju raja,
Dilompati todak;
Bukan disahaja,
Sebab akal budak.”

(W.G. Shellabear, 1977: 51-52 dalam Kurik Kundi Merah Saga, 2005:xlii)

Malah R.J. Wilkinson dan R.O. Winstedt pernah menyarankan bahawa untuk memahami perasaan orang Melayu, seharusnya difahami pantunnya. Mereka berpendapat bahawa satu daripada perkara penting yang boleh membawa seseorang itu berjaya memahami dan

menyelami pengetahuan, perasaan dan aliran fikiran orang-orang Melayu sendiri ialah melalui pantun, malahan seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya (Mohd Rashid Md Idris, 2011:80).

Sorotan Hikayat Isma Yatim

Menurut Harun Mat Piah (2000:133) *hikayat* mengandungi makna cerita, kisah, riwayat dan sebagainya. Kamus Dewan mendefinisikan hikayat itu ialah cerita (khususnya cerita-cerita lama, cerita-cerita lama dalam bentuk prosa atau riwayat dan sejarah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005:535).

R.O. Winstedt menggolongkan Hikayat Isma Yatim sebagai contoh hikayat zaman peralihan dan mengandungi pengaruh Hindu serta Jawa yang telah menipis. Hal ini demikian kerana Winstedt pernah mengutip beberapa adegan dalam Hikayat Isma Yatim yang mengandungi ungkapan-ungkapan yang bukan Melayu. Situasi ini terjadi kerana sastera Melayu telah mengalami proses penterjemahan dan jatuh ke tangan penyadur yang meniru contoh-contoh dari Parsi serta Arab (Liaw Yock Fang, 1975:127)

Naskhah Hikayat Isma Yatim terdapat di Jakarta, Leiden dan London. Hikayat Isma Yatim pernah dua kali dicetak, iaitu pertama di Jakarta pada tahun 1821 oleh P.P. Roorda van Eysinga dan yang kedua ialah di Singapura pada tahun 1921. Cetakan Singapura itu dicap khusus kepada kanak-kanak yang belajar bahasa Melayu. Di Great Britain sahaja terdapat sekurang-kurangnya sepuluh versi Hikayat Isma Yatim yang telah disalin oleh pengumpul-pengumpul manuskrip Melayu seperti Anderson, Crawford, Johd Leyden, Marsden dan Valentijn. Penyalinan hikayat ini telah berlaku seawal-awalnya antara tahun 1676 hingga 1718 hingga tahun 1849.

Di Leiden, terdapat lima salinan dan di Jakarta sebanyak empat salinan lagi. Antara sepuluh versi yang disebutkan oleh Ricklefs dan Voorhoeve itu hanya beberapa versi sahaja yang lengkap ceritanya kerana bahagian akhirnya tertinggal. Werndly dalam tahun 1736, ada menyebut teks ini ada dalam senarainya. Yang terawal menyebutnya ialah Valentijn dalam tahun 1726. William Marsden dan Roorda van Eysinga apabila membuat kesimpulan tentang hikayat ini hanya melihatnya daripada satu sudut sahaja dan dengan itu hanya memperhatikan satu aspek sahaja daripada isinya. Dalam tahun 1827, Marsden telah menyimpulkan bahawa hikayat ini sebagai "suatu cerita romantik". Manakala van Eysinga pula mengatakan hikayat ini ialah "syarat segala raja-raja dan menteri dan hulubalang dan sekaliannya." (Ricklefs & Voorhoeve, 1997:151 dalam Ayu Nor Azilah Mohamad, 2003)

Pantun dalam Hikayat Isma Yatim

Gaya bahasa dan bentuk corak Hikayat Isma Yatim amat menghampiri kesusasteraan Parsi-Arab. Hikayat Isma Yatim boleh dijadikan contoh untuk melihat bagaimana keadaan bentuk corak hasil-hasil sastera ciptaan pada zaman kerajaan Melayu Melaka dahulu.

Terdapat pelbagai bentuk gaya bahasa yang digunakan dalam Hikayat Isma Yatim. Ada berbentuk gurindam, pantun, syair, seloka dan sebagainya. Cara penyampaiannya pula tidak khusus kepada watak utama Isma Yatim sahaja tetapi diucapkan oleh watak-watak lain yang terlibat. Misalnya diucapkan oleh merak jantan, merak betina, kandil dan Dang Saji.

Penggunaan pantun adalah yang paling banyak. Terdapat pantun yang lengkap dan ada juga pantun yang tidak lengkap. Pantun ini diucapkan mengikut kesesuaian keadaan oleh watak yang terlibat. Contohnya pantun yang diucapkan oleh merak jantan dan merak betina selepas rahsia tersembunyi telah terbongkar iaitu tentang keisimewaan peti kaca persembahan Isma Yatim kepada Tuanku Syah Alam Raja Negeri Musapan. Rahsia itu terbongkar di hadapan tuanku, semua para menteri, hulubalang dan rakyat yang sedang mengadap sembah kepada tuanku.

Hal ini kerana sebaik sahaja permata kecil itu diletakkan di atas talam emas, kedua-dua merak itu keluar mengigal sambil berpantun dan berseloka. Kemunculan kedua-dua merak ini menggembirakan raja, para pembesar dan rakyat jelata ketika itu. Kedua-dua merak sedar bahawa tindakannya itu telah menimbulkan perasaan tidak senang kepada Isma Yatim apabila melihat jelingan mata Isma Yatim kepada mereka. Bagi menutup kesilapan itu, merak jantan itu berpantun:

Indera jati telah diikat,
Pergi mengail ikan pari;
Tuanku seperti bunga terikat,
Sahaja dapat akan dicari.

Susuh baru dibeli raja,
Janjinya zamrud diasah-asah;
Sungguh pun suka-sukanya ini,
Ada sedikit mendapat susah.

Rima akhir pantun rangkap kedua tidak mengikut disiplin rima akhir pantun iaitu a-b-a-b. akan tetapi rima akhirnya ialah a-b-c-b. Pantun rangkap kedua juga memberi peringatan bahawa kehadiran merak dan puteri yang berada di dalam nila kendi itu memang sesuatu yang berharga dan boleh menghiburkan hati semua. Akan tetapi kehadiran mereka khususnya tuan puteri akan menimbulkan sedikit masalah dalam perhubungan tuanku suami isteri. Penggunaan perkataan 'zamrud' pada baris kedua itu menunjukkan ketinggian nilai. Hal ini kerana semua masyarakat maklum bahawa batu permata zamrud adalah batu permata yang berharga, penting dan bernilai tinggi.

Selepas itu, merak betina pula menyahut pantun merak jantan;

Daun derdap dalam bahtera,
Perahu tembaga disangkanya,
Tuanku semayam di atas geta,
Masing-masing persembahkan jasa.

Pantun di atas menjelaskan kedudukan seorang raja yang bersemayam di atas takhta. Raja akan menerima sembah daripada semua rakyat jelata yang menyatakan taat setia kepada raja sebagai ketua negara. Kesetiaan rakyat kepada pemimpin dilihat dengan membuat jasa dan kebaikan kepada raja dan negara.

Mendengar sahaja pantun merak betina ini, tuanku terus memuji kepandaian merak berpantun. Sebagai tanda berterima kasih dengan kata pujian tersebut, merak itu menghamparkan sayapnya di atas talam seperti kelakuan orang mengadap sembah sambil berpantun;

Dang Sedian orang bistari,
Mengenang bunga di dalam puan;
Selama kian beta cari,
Baharulah temu dengan tuan.

Penggunaan perkataan ‘bistari’ pada baris pertama itu sebagai tanda kata pujian. Ini bersesuaian dengan kedudukan pantun di atas sebagai pantun pujian dengan menggunakan bahasa yang sopan. Ini memang tatasusila masyarakat Melayu yang tidak memuji secara terus.

Pantun ini juga menjelaskan bahawa apa yang dicari selama ini telah bertemu iaitu pertemuan antara burung merak jantan dan betina dengan tuanku raja. Yang lebih tersirat lagi ialah pertemuan dengan tuanku raja dengan tuan puteri yang bersembunyi di dalam nila kendi. Atas faktor inilah burung merak ini menjelmakan diri dari nila kendi.

Maksud pantun di atas dijelaskan lagi dengan pantun yang diucapkan oleh merak yang berbunyi seperti di bawah. Akan tetapi sebelum merak berpantun, terlebih dahulu merak meminta izin untuk berpantun seraya menghamparkan sayapnya seperti laku orang menyembah kepada baginda dan tuan puteri seraya mengigal lalu berpantun;

Sudah gaharu cendana pula,
Ketumbar dalam puan;
Sudah tahu bertanya pula,
Hendak bertemu gerangan tuan.

Pantun di atas memberi satu penjelasan tentang tujuan kemunculan merak. Tujuan mereka ialah untuk bertemu dengan tuanku raja. Bagi merak, semua masyarakat sedia maklum apa faktor yang menjadi daya penarik untuk merak berjumpa dengan tuanku. Justeru itulah pada ayat ketiga iaitu bahagian maksud dinyatakan “Sudah tahu bertanya pula.”

Namun burung merak menyebut juga antara faktor hendak berjumpa dengan tuanku kerana melihat wajah tuanku yang sangat bersih sehingga terlupa akan diri sendiri. Ayat ketiga pada bahagian maksud pantun di bawah ini disebut; “Sudah terpandang wajah yang perish.” Ini diperjelaskan dalam pantun yang lengkap berbunyi;

Kain putih dicuci putih,
Belum sudah jarum pun hilang;
Sudah terpandang wajah yang persih,
Tak sedarlah nyawa akan hilang.

Baris ketiga dan keempat pada bahagian maksud dalam pantun di atas secara terang menjawab kepada persoalan kehadiran burung merak yang memunculkan diri di hadapan tuanku raja. Rima akhir pantun di atas mengikut etika serangkap pantun iaitu a-b-a-b.

Selain itu, pantun juga digunakan oleh merak untuk menyampaikan maksud kehadiran Tuan Puteri Mehran Langkawi yang bersembunyi di dalam peti kaca bersama-sama dengan merak tersebut. Kehadiran tuan puteri dinyatakan secara kiasan menggunakan pantun oleh merak tersebut;

Sumbu ini tiga batang,
Yang sebatang ditutuh sunyi;
Jam ini tiga yang datang,
Yang seorang lagi bersembunyi.

Maksud “Sumbu ini tiga batang” ialah merak jantan dan merak betina serta tuan puteri Mehran Langkawi. Pada baris keempat disebut “Yang seorang lagi bersembunyi” ialah dimaksudkan khususnya kepada tuan puteri Mehran Langkawi.

Namun, tuanku baginda dan Tuan Puteri Permaisuri tidak dapat memahami maksud yang hendak disampaikan oleh merak jantan itu. Menyedari bahawa maksud tidak difahami oleh baginda berdua, merak betina itu berpantun;

Dari sawah ke permatang,
Tetek tegar akan kemudi;
Dari jauh patik nan datang,
Mendengar tuanku baik budi.

Merak jantan ini menyatakan bahawa mereka bertiga itu datang dari jauh iaitu Pulau Langkawi. Kedatangan mereka dibawa oleh nakhoda kapal dan mereka berada di istana itu atas faktor baik budi tuanku baginda. Dengan nasihat yang diberikan oleh Isma Yatim kepada tuanku baginda agar membenarkan nakhoda kapal tersebut terus tinggal di negeri tuanku. Malah nakhoda diberikan hadiah pakaian, makanan dan dibenarkan memilih kampung yang disukai sebagai tempat tinggal. Inilah yang dikatakan pada baris keempat dalam pantun di atas iaitu “Mendengar tuanku baik budi.” Ini bersesuaian dengan kesopanan orang Melayu yang ingin menunjukkan tanda ucapan terima kasih atas pemberian hadiah oleh nakhoda kapal kepada tuanku.

Pantun merak jantan itu disambut oleh Dang Saji seperti berikut;

Sarung keris batang cendana,
Kapur dibawa dari hulu;
Datanglah arif bijaksana,
Akan penghibur hati yang pilu.

Pantun ini menjelaskan bahawa kehadiran mereka yang dianggap tetamu amat diraikan. Memang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu menyambut tetamu dengan perasaan gembira. Contohnya, kehadiran nakhoda kapal yang membawa hadiah kepada Isma Yatim dan Isma Yatim pula mempersembahkan kepada tuanku. Barang persembahan seperti nila kendi itu yang boleh berpusing-pusing dengan mengeluarkan pelbagai bunyian telah menggembirakan hati tuanku dan tuan puteri serta semua rakyat jelata. Ini bermakna kehadiran nakhoda kapal sebagai tetamu amat dialu-alukan dan digelar sebagai ‘arif bijaksana.’ Apatah lagi hadiah nila kendi pemberian nakhoda kepada tuanku sangat menghiburkan tuanku dan permaisuri dengan kemunculan burung merak yang pandai berpantun dan menghiburkan hati.

Maka disahut pula oleh Dang Siti dan demikian katanya;

Sarung keris batang cendana,
Batang ini buatkan tembatu;
Bukannya arif bijaksana,
Datang ini minta diperhamba.

Berdasarkan kedua-dua rangkap pantun di atas, terdapat pengulangan ayat iaitu baris yang pertama; “Sarung keris batang cendana.” Manakala pengulangan pada “arif bijaksana” pada baris yang ketiga. Akan tetapi kedua-dua pantun di atas tidak boleh dikategorikan sebagai pantun berkait kerana pada perkataan permulaan baris ketiga itu berbeza iaitu “datanglah” dengan “bukannya.”

Pantun di atas menjelaskan bahawa kehadiran kedua-dua merak dan tuan puteri yang masih bersembunyi itu dialu-alukan. Apatah lagi kehadiran merak yang mengigal berpantun dan berseloka telah berjaya menghiburkan hati semua orang termasuk tuanku dan tuan puteri. Rangkap kedua pantun di atas menjelaskan juga bahawa kehadiran mereka bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan akan tetapi sanggup menerima perintah dari tuanku baginda.

Merak itu berpantun lagi berbunyi;

Dang Siti pergi ke tanjung,
Serta tiba membeli lada;
Seperti dian di dalam tanglung,
Tuanku diriba oleh kakanda.

Gerang puri gerang serbi,
Buah padi di dalam puan;
Sedang molek di mata kami,
Tuan dipangku kakanda nan tuan.

Air hitam buihnya putih,
Mari dilanda dengan perahu;
Kakanda hitam dinda putih,
Seperti bulan ditangkap rahu.

Ketiga-tiga rangkap pantun di atas menunjukkan perasaan kasih sayang. Tiga rangkap pantun di atas mempunyai rima akhir yang sama iaitu a-b-a-b mengikut syarat rima akhir pantun. Terdapat perkataan “seperti” dalam rangkap pantun pertama yang terletak pada baris yang ketiga iaitu “**Seperti** dian di dalam tanglung.” Juga terdapat perkataan seperti pada rangkap pantun yang keempat iaitu pada baris keempat; “**Seperti** bulan ditangkap rahu.” Penggunaan kias dan ibarat yang lazimnya ditandai dengan ungkapan ‘seperti’ dalam sesebuah rangkap pantun mampu memperkaya keindahan dan kehalusan bahasa pantun.

Pantun juga berfungsi untuk menyatakan hasrat hati yang tidak diucapkan secara terus terang. Seperti Tuan Puteri Mehran Langkawi yang mengharapkan tuanku dan tuan puteri sudi menjamah makanan yang disediakan. Namun harapan itu tidak dinyatakan secara terangan kerana kehadirannya sendiri tidak disedari oleh tuanku baginda dan tuan puteri. Pantun menjadi medium dalam situasi ini;

Kain bersuji di atas atap,
Pakaian raya hari raya;
Jika sudi tuanku santap,
Jikalau tidak apakan daya.

Selepas itu, pantun diucapkan lagi sebagai tanda hendak meninggalkan tempat persinggahan. Tuan Puteri Mehran Langkawi hendak memberitahu secara terus terang akan dianggap tidak sopan. Hasrat itu dinyatakan secara berkias dan diungkap menggunakan pantun yang berbunyi;

Matahari rambang memukul lari,
Jelatik terbang dari Bali;
Tuanku tinggal laki isteri,
Patik ini mohon kembali.

Selepas itu merak pula yang berpantun;

Bulan purnama benderang semalam,
Sampai di dalam bintang seroja;
Bersinar-sinar gerangan tuan,
Beroleh semayam di dalam syurga.

Pembayang dalam pantun di atas menggunakan unsur alam. Antaranya ialah pada bahagian pembayang pantun iaitu pada baris pertama dan kedua berbunyi; “**Bulan purnama** benderang semalam” dan “Sampai di dalam **bintang seroja**.” Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat rapat dengan alam sekeliling. Manakala pada maksudnya pula menggambarkan kebahagiaan tuanku raja memerintah dan mentadbir negeri tersebut. Tuanku akan memperoleh balasan ‘syurga.’ Kepenggunaan perkataan ‘syurga’ ini berkaitan dengan agama.

Pantun juga berfungsi untuk memberi dorongan supaya berusaha dalam mendapatkan sesuatu cita-cita. Contohnya pantun oleh merak seraya mengigal demikian bunyinya;

Ketika berperang Datuk Laksamana,
Masakan berbaki ubat peluru;
Jika tidak bijaksana,
Sampai mati tidakkan dapat.

Pemilihan perkataan yang sesuai apabila ‘berperang’ itu dikaitkan dengan ‘Datuk Laksamana’ kerana tugas utama seorang Laksamana ialah menjadi ketua hulubalang dan ketua utusan ke luar negara. Seseorang Laksamana harus mempunyai perancangan yang bijak dalam membina strategi peperangan. Apatah lagi kemenangan dalam medan peperangan dituntut oleh negara. Laksamana juga dikaitkan dengan kebijaksanaan akal dan strategi untuk memenangi dalam perlawanan. Jika tidak bersungguh-sungguh, kemenangan tidak akan tercapai.

Seterusnya pantun untuk menggambarkan hubungan yang telah lama terbina tidak akan berubah dengan kehadiran orang yang baharu. Misalnya pantun yang diungkapkan oleh merak seperti berikut;

Bulan purnama jadikan suluh,
Bintang timur pembuka hati;
Yang lama itu sahajikan sungguh,
Yang baru penghibur hati.

Pembayang dalam pantun di atas menggunakan unsur alam semester iaitu ‘bulan purnama’ dan ‘bintang timur’ sebagai inspirasi dalam menghasilkan pantun. Ini menggambarkan kekreatifan masyarakat Melayu yang menjadikan objek alam dalam berpantun. Pada bahagian maksud pula, terdapat pengulangan perkataan ‘yang’ pada permulaan ayat iaitu ‘**Yang** lama sahajikan sungguh, **Yang** baru penghibur hati.”

Pantun kesetiaan di atas menyampaikan maksud bahawa kasih sayang tuanku kepada tuan puteri adalah kasih sejati walaupun dengan kemunculan Tuan Puteri Mehran Langkawi. Hal ini kerana kehadiran tuan puteri Mehran Langkawi yang muncul dari nila kendi hanyalah sebagai penghibur hati malah tidak menggugat perhubungan tuanku dengan tuan puteri.

Setelah sudah makan dan minum, maka raja pula yang berpantun;

Nobat berbunyi dinihari,
Nobat Raja Inderagiri,
Serbat ini serbat minuman,
Menjadi ubat hati yang berahi.

Pantun kasih sayang yang diucapkan oleh raja di atas membawa maksud hubungan yang terbina dengan perasaan sayang boleh menggembirakan seseorang. Kemanisan hubungan yang dikonotasi melalui ‘Serbat ini serbat minuman’ menjadi pengikat hati.

Dalam pantun di atas, terdapat pengulangan perkataan nobat pada permulaan ayat bahagian pembayang pantun; ‘**Nobat** berbunyi dinihari’ dalam baris pertama dan ‘**Nobat** Raja Inderagiri’ dalam baris kedua. Nobat adalah sejenis pancaragam diraja yang hanya dimainkan di istana untuk majlis tertentu sahaja seperti adat istiadat pertabalan dan menyambut kelahiran baru di istana. Pemain nobat diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Antara negeri Melayu yang masih mengekalkan nobat ialah negeri Perak, Kedah dan Terengganu. Manakala Raja Inderagiri digunakan sebagai kata dalam pembayang memberi makna tentang status sosial dalam masyarakat. Inderagiri merupakan salah satu negeri kerajaan Melayu yang berada di bawah naungan Pagarruyung. Raja Inderagiri mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.

Seterusnya, baginda dan tuan puteri tersenyum melihat merak menari dan menyanyi yang diiringi dengan rebana paluan Dang Saji. Semua dayang istana bertepuk tangan dengan gembira. Tuanku meminta agar Dang Merdu turut menyanyi seperti laku burung merak. Apabila mendengar Dang Merdu menyanyi, merak yang berada di dalam kendi pun menyahut. Merak keluar dari nila kendi dan mengigal lalu berpantun;

Bangun berjudi dinihari,
Sukai samban di dalam serahi;
Bukannya sahaja patik ke mari,
Mengikut puteri di dalam peti.

Sejurus mendengar pantun merak betina di atas, tuan puteri pun memahami maksud pantun tersebut. Lalu tuan puteri berpaling di dalam hatinya, “siapa yang disukai oleh suamiku ini.” Hal ini kerana maksud pantun di atas, merak betina menyatakan bahawa kedatangan merak ke istana baginda berdua adalah mengikut dan mengiringi tuan puteri yang bersembunyi di dalam nila kendi. Rima akhir dalam rangkap pantun di atas ialah a-a-a-a.

Merak betina menyedari ada percikan kemarahan yang dirasai oleh tuan puteri dengan pantun yang diungkap di atas, lalu merak betina pun berpantun berbunyi;

Gajah langgar kuda perkasa,
Mayang di mana dihempaskan;
Sama lebur sama binasa,
Dayang nan tidak abang lepaskan.

Lantas, tuan puteri bertanyakan kepada baginda tentang siapa yang disukai oleh baginda. Baginda tidak mengerti dan tidak memahami maksud tuan puteri. Maka, merak betina melihat kekeliruan baginda lalu berpantun;

Sukai samban di dalam serahi,
Inderakala di padang temu;
Puteri dendam raja berahi,
Bila gerangan kita bertemu.

Merak betina menyatakan secara langsung perasaan Tuan Puteri Mehran Langkawi yang berada di dalam nila kendi. Tuan puteri nila kendi sangat ingin keluar dari nila kendi untuk berjumpa dengan tuanku baginda. Cuma belum berkesempatan kerana Tuan Puteri Mehran Langkawi keluar dari nila kendi apabila baginda dan permaisuri pada waktu malam selepas semua penghuni istana sedang tidur. Merak menyatakan bahawa apabila baginda dan Tuan Puteri Mehran Langkawi bertemu akan membibitkan perasaan suka antara satu sama lain.

Mendengar sahaja pantun merak betina di atas, baginda hendak memberi minuman manis kepada merak betina. Lalu sahut merak betina seraya berpantun;

Bunga tanjung dikarang indah,
Gagak bersarang di serambi;
Kurnia tuanku patik junjung,
Akan penghibur hati berahi.

Pemberian tuanku baginda walaupun hanya air dianggap satu penganugerahan yang tidak mungkin ditolak oleh rakyat termasuk juga burung merak. Pemberian itu disanjung tinggi sehingga dijunjung di atas kepala. Ini dapat dilihat pada baris ketiga dalam dalam pantun di atas iaitu ‘Kurnia tuanku patik junjung.’ Ini menunjukkan betapa rakyat sangat menghargai pemberian seorang raja dengan meletakkan di tempat yang tinggi.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya jelas menunjukkan bahawa pantun yang terdapat dalam Hikayat Isma Yatim berfungsi dalam pelbagai aspek dalam mengembangkan plot hikayat. Pantun untuk menggambarkan kasih sayang, kepahlawanan, kegembiraan hati, menghormati ketua dan

meraikan tetamu. Pemilihan perkataan juga bersesuaian untuk menyatakan maksud pantun tersebut.

Ungkapan pantun juga ada yang tidak mengikut jeda atau etika serangkap pantun. Yang lebih diutamakan dalam pantun ini ialah maksud yang hendak disampaikan oleh watak-watak dalam Hikayat Isma Yatim ini sendiri. Ada pantun yang menggunakan tanda baca iaitu tanda soal pada penghujung baris dalam rangkap yang terakhir. Contohnya pantun Dang Siti dibalas oleh merak yang berbunyi;

Tebang buluh Dang Nata,
Tanam keladi di bawahnya;
Jika sungguh bagai dikata,
Apatah pula akan salahnya?

Pantun di atas sedikit berbeza kerana mempunyai tanda soal pada pengakhiran baris keempat. Ini tidak mengikut kelaziman serangkap pantun. Ini menjelaskan kepada pembaca bahawa maksud yang hendak disampaikan itu melalui rangkap pantun ini lebih penting daripada mengikut format serangkap pantun. Terdapat penggunaan perkataan 'bagai' pada baris ketiga dalam pantun di atas. Ini bermaksud pantun itu ditujukan kepada golongan dewasa kerana lebih memahami bahasa makna tersirat.

Kepenggunaan pantun dalam menyampaikan maksud menggambarkan betapa sifat orang Melayu yang sukar untuk berterus terang kerana mementingkan tertib dan sopan santun dalam sesuatu perbualan. Untuk itu, bercakap secara tidak langsung atau secara berlapik merupakan ciri penting dalam budaya orang Melayu. Masyarakat Melayu banyak menggunakan kaedah ini dalam situasi sosial terutamanya apabila menunjukkan kesopanan. Situasi ini sebenarnya melibatkan sikap, pandangan, dan sanjungan orang Melayu terhadap orang lain.

Rujukan

- Ayu Nor Azilah Mohamad. 2003. *Tesis Sarjana*. "Hikayat Isma Yatim: Satu Kajian Teks." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et.al. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. "Manuskrip 'Panthong' dari Sri Lanka." Dalam <http://pantun.usm.my/makalah>. Sekretariat Pantun Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia. Tarikh layari 11 Januari 2018.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurik Kundi Merah Saga; Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Edisi Kedua. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liw Yock Fang. 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mohd Rashid Md Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Haji Salleh. 1986. *Cermin Diri*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Siti Hawa Haji Salleh. 1987. *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. 1991. *Kumpulan Pantun Melayu*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.